



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan,
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,
75450 Melaka

Tel: 06-2895000
Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/melaka>

Ruj Kami : ANM(T)MEL/03/68 Jld.3 (32)
Tarikh : 01 Julai 2020
Bersamaan : 09 Zulkaedah 1441H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Y.Bhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PELEPASAN CUKAI BAGI SUMBANGAN TABUNG COVID-19

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat Ketua Setiausaha Negara (KSN) rujukan JPA(S)63/168/1 Jld.2 (66) bertarikh 7 April 2020.

2. Adalah dimaklumkan bahawa inisiatif pengurangan Imbuhan Tetap Keraian (ITK) yang telah dilaksanakan bagi kadar ITK bulan Mei dan Jun 2020 adalah dikecualikan cukai pendapatan dan amaun ini perlu direkodkan di Bahagian E pada Borang EC (Senarai Elaun Yang Dikecualikan Cukai).

3. Sehubungan itu, pegawai terlibat boleh mendapatkan pelepasan cukai bagi sumbangan Tabung COVID-19 dengan mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) secara e-Filing pada awal tahun 2021. Pegawai perlu menyimpan dokumen sokongan seperti penyata gaji bagi bulan Mei dan Jun 2020 sebagai bukti potongan gaji telah dibuat kepada Tabung COVID-19.

4. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan, tuan/puan boleh menghubungi Unit Gaji, Seksyen Operasi, Jabatan Akauntan Negara Negeri Melaka.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,

(SHABIBAH BINTI BACHOK (C.A.(M)))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka.